BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT



| | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | 14 / 12 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 18 | RUANGAN | Nasional |



# Kelab TaHa anjur kejohanan futsal, bola jaring

**Kuala Lumpur:** Kelab TaHa dan TaHa@U Tabung Haji (TH) akan menganjurkan Kejohanan Futsal dan Bola Jaring Taha@U bagi peringkat Zon Utara serta program bimbingan kerjaya di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seberang Perai, Pulau Pinang selama dua hari bermula esok.

Ia kejohanan kali kedua diadakan selepas kali pertama pada tahun lalu dan kali ini menawarkan hadiah lumayan keseluruhan berjumlah RM13,500.

## Yuran pertandingan

Yuran pertandingan bagi setiap pasukan ialah RM80 bagi peringkat universiti dan kolej.

Sempena program itu, Taha@U dengan kerjasama BH juga akan mengadakan program bimbingan kerjaya di Dewan Besar UiTM itu dengan pengisian slot berguna bagi mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian mereka, termasuk tips temu duga berkesan, ceramah kerjaya dan santai bersama BH dan TH.

Program itu juga akan menampilkan pengacara televisyen terkenal, Ally Iskandar bagi berkongsi ilmu mengenai pengalaman dalam bidang pengacaraan.